UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PELAWAAN MEMBERI CADANGAN

Universiti Sains Malaysia mempelawa pembida yang berkelayakan untuk mengemukakan cadangan :-

TIG/RFP/25/JPPF-PKTAAB/U/02(S)	:	**PELAWAAN MEMBERI CADANGAN : INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU MELALUI PEMASANGAN SISTEM SOLAR PV TERMASUK SISTEM PENYIMPANAN TENAGA BATERI (BESS) DI PUSAT KANSER TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI (PKTAAB), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.**
Kelayakan RFP	:	i) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - Syarikat diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 2016.** ii) Berdaftar dengan pihak ***Sustainable Energy Development Authority* (SEDA)** serta memiliki Perakuan Pendaftaran sebagai Pelabur Perkhidmatan Fotovolta Suria Berdaftar (***Registered PV Investor* – RPVI**). iii) Berdaftar dengan pihak ***Sustainability Development Authority* (SEDA)** serta memiliki Perakuan Pendaftaran sebagai Pemasang Perkhidmatan Fotovolta Suria Berdaftar **(Registered PV Service Provider – RPVSP)**. iv) Berdaftar Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan Kod bidang **222801** (Perkhidmatan Teknologi Hijau). v) Berdaftar dengan CIDB terbuka **Gred G7**, **Kategori ME** dan **Pengkhususan E04 ; dan E11 ; dan E35**. vi) Memegang **Sijil Pematuhan Cukai *(Tax Compliance Certificate)* – Berstatus : PATUH bagi tahun semasa.**
Tarikh Tutup RFP	:	**1 Disember 2026 (Selasa), Jam 12.00 Tengahari**
Tarikh Dokumen Dijual	:	**11 November 2026** hingga **24 November 2026.**
Harga Dokumen	:	**RM300.00** (**Senaskah**) dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment **(https://epayment.usm.my/)** dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender.**
Tarikh, Masa, Tempat Taklimat & Lawatan Tapak	:	**11 November 2026 (Rabu), Jam 11.00 Pagi.** **Tempoh Pendaftaran: Jam 10.00 Pagi** Bilik Mesyuarat Utama *Clinical Training Centre* (CTC), Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB), Universiti Sains Malaysia, Bertam, Pulau Pinang.
Syarat Taklimat	:	i) Pembida **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat / lawatan tapak**. Dokumen hanya dijual kepada pembida yang telah menghadiri taklimat/lawatan tapak, menurunkan cap syarikat & menandatangani borang kehadiran taklimat/lawatan tapak. ii) Hanya **penama** dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dan Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB)** sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak tender.

		Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai lain selain daripada penama tersebut.
		iii) Wakil penama yang hadir **wajib** mengemukakan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, Sijil Perakuan Pendaftaran **SEDA RPVI**, Sijil Perakuan Pendaftaran **SEDA RPVSP**, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia **(MOF)** dan Sijil Perakuan Pendaftaran (**CIDB)** untuk proses semakan kelayakan.
Syarat Permohonan Dokumen *Softcopy*	:	Dokumen RFP (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan emel kepada **sperolehan@usm.my** dan wajib mengemukakan secara atas talian dokumen dan butiran seperti berikut: i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan)**. ii) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, Sijil Perakuan Pendaftaran **SEDA RPVI**, Sijil Perakuan Pendaftaran **SEDA RPVSP**, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia **(MOF)** dan Sijil Perakuan Pendaftaran (**CIDB).** iii) **Sijil Pematuhan Cukai *(Tax Compliance Certificate).*** iv) Maklumat syarikat beserta nombor telefon pegawai yang bertanggungjawab.
Syarat Penghantaran Dokumen	:	i) Penghantaran Dokumen RFP dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama RFP dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.** ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya pembida memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembida hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup RFP selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pembida yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana pembida yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran RFP tersebut dan tidak terikat untuk menerima RFP yang terendah atau mana-mana RFP.**